



DERAF TEKS UCAPAN

**YANG BERHORMAT
DATO SERI SETIA AWANG HAJI NAZMI BIN HAJI
MOHAMAD
MENTERI KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN**

TETAMU KEHORMAT

**MAJLIS PENYERAHAN BENDERA NEGARA KEPADA
KONTINJEN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
KE SUKAN PARA ASEAN KE-12
PHNOM PENH, KEMBOJA
03 HINGGA 09 JUN 2023**

**PADA HARI SABTU
7 ZULKAEDAH 1444 / 27 MEI 2023
JAM : 2.00 PETANG**

**BERTEMPAT:
DEWAN DIGADONG
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Bismillahir Rahmanir Rahim

Alhamdulillah Rabbil 'Alameen Wassalatu Wassalamu 'Ala
Asyrafil Anbiyaie Mursalin Saidina Muhammadin Wa'ala Alihi
Wasahbihi Ajma'in

Tuan Yang Terutama

Lim Hokseng

Duta Besar Istimewa dan Mutlak Kemboja ke Negara Brunei
Darussalam

Yang Mulia,

Pengiran Mohd Amirrizar bin Pengiran Haji Mahmud

Setiausaha Tetap (Kesukanan)

Yang Mulia

Pengiran Haji Mohd Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan

Setiausaha Tetap (Kebudayaan)

Yang Mulia

Dayang Hajah Nor Ashikin binti Haji Johari

Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan)

Yang Mulia

Awang Haji Zakaria bin Haji Serudin

Setiausaha Tetap (Kebeliaan)

Yang Mulia

Dr. Siti Norkhalbi binti Haji Wahsalfelah

Timbalan Setiausaha Tetap (Kebudayaan)

Yang Mulia

Awang Ali Yusri bin Abdul Ghaffor, Pemangku Presiden, Majlis Paralimpik Brunei Darussalam Selaku *Chef de Mission* Kontinjen Negara Brunei Darussalam.

Ketua-ketua Jabatan dan pegawai-pegawai Kanan Kerajaan, Pemimpin-Pemimpin Persatuan-Persatuan Sukan, Para Jurulatih, para atlet, para ibubapa, para media,

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wa Ta'ala kerana dengan limpah kurnia-Nya juga kita dapat berkumpul di Majlis pada petang ini iaitu Majlis Penyerahan Bendera kepada Kontinjen Negara untuk menyertai Kejohanan Sukan Para ASEAN ke-12 yang akan diadakan mulai 03 hingga 09 Jun 2023 bertempat di Phnom Penh, Kemboja.

Terlebih dahulu, izinkan peramba / saya bagi pihak Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan kontinjen Negara Brunei Darussalam ke Kejohanan Sukan Para ASEAN ke-12 mengucapkan setinggi-tinggi menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di atas limpah kurnia perkenan Baginda bagi Negara Brunei Darussalam menyertai Kejohanan Sukan Para ASEAN ke-12 pada tahun ini.

Alhamdulillah, penyertaan Negara Brunei Darussalam ke Kejohanan Sukan Para ASEAN ke-12 ini merupakan satu sokongan dan komitmen negara dalam meningkatkan lagi hubungan negara dengan negara-negara ASEAN yang lain ke arah persahabatan muhibbah, perpaduan dan keamanan.

Pada kejohanan kali ini, Negara Brunei Darussalam akan menyertai tiga (3) acara sukan iaitu Para Athletics, Para Swimming dan Para Badminton dengan penyertaan **seramai 12 orang atlet** iaitu **10 orang atlet lelaki dan 2 orang atlet wanita dengan diiringi oleh 11 pegawai.**

Peramba / saya seterusnya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada atlet-atlet yang berjaya terpilih bagi mewakili negara ke Kejohanan Sukan Para ASEAN ke-12 pada tahun ini. Peramba / saya percaya bahawa pemilihan abiskita untuk menyertai kejohanan ini adalah hasil daripada usaha keras dan komitmen yang berterusan dalam menjalani latihan yang telah diaturkan serta semangat juang yang ditunjukkan. Oleh yang demikian, adalah diharapkan agar usaha ini akan dapat diteruskan dan dipertingkatkan lagi sepanjang kejohanan dan juga semasa dalam pertandingan nanti. Tunjukkanlah semangat juang yang tinggi dan semangat persaingan yang sihat dengan matlamat untuk berjaya dan sekaligus dapat mengharumkan nama negara.

Peramba / saya juga ingin menekankan supaya atlet-atlet yang terpilih agar sentiasa beringat dan berwaspada agar tidak menggunakan ubat-ubatan yang terlarang dan tidak dikenalpasti sehingga boleh mengakibatkan atlet hilang kelayakan untuk bertanding dan seterusnya digantung dari sebarang penyertaan dalam tempoh yang ditetapkan.

Para Atlet juga perlu menjaga disiplin dan kesihatan masing-masing sebelum dan semasa kejohanan berlangsung. Atlet haruslah sentiasa fokus dan mempunyai semangat yang jitu bagi meraih kemenangan dan mengharumkan nama bangsa dan negara dan mencipta satu sejarah dalam perkembangan sukan di negara ini. Terpilihnya para atlet ke kejohanan ini bukan sahaja sebagai satu arena untuk bersaing semata-mata tetapi juga sebagai gelanggang ukuran bagi meningkatkan lagi potensi dan pencapaian masing-masing.

Akhir kata peramba / saya mengucapkan selamat bertanding kepada atlet yang terpilih dan didoakan agar semua atlet akan beroleh kejayaan sekaligus mengharumkan nama negara di persada sukan dunia. Bersainglah secara sihat dengan disiplin serta semangat yang kental. Dengan kejayaan yang akan dibawa pulang nanti, Insya-Allah akan menambahkan lagi keyakinan dan memupuk semangat kepada seluruh penggiat sukan, atlet, badan yang bertanggungjawab mengurus sukan dan anak muda yang berbakat untuk terus berusaha dalam meningkatkan lagi kualiti dan kejayaan pada kejohanan-kejohanan lain yang lebih

berprestij sama ada di peringkat negara, Asia mahupun Dunia.
Semoga Berjaya!

Sekian.

Wabillahit Taufik Walhidayah

Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.